


# Hukuman mati pembunuh Sosilawati kekal



ALLAHYARHAM  
SOSILAWATI

Kematian tragis jutawan kosmetik terbela selepas Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman gantung ke atas seorang bekas peguam dan dua pekerja ladang

**MAHKAMAH** Persekutuan semalam mengekalkan hukuman gantung sampai mati ke atas bekas peguam, N. Pathmanabhan dan dua pekerja ladangnya kerana membunuh

jutawan kosmetik, Datuk Sosilawati Lawiya serta tiga rakannya di sebuah ladang di Banting, Selangor, hampir tujuh tahun lalu.

Selain Pathmanabhan, 47, dua lagi yang

dihukum mati ialah T. Thilaiyalagan, 25, dan R. Kathavarayan, 37.

Panel lima hakim yang diketuai Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria membuat keputusan itu setelah mendapati terlalu banyak bukti yang menunjukkan Sosilawati, 47, pegawai bank Noorhisham Mohamad, 38, peguam Ahmad Kamil Abdul Karim, 32, dan pemandu Sosilawati, Kamaruddin Shamsuddin, 44, dibunuh di ladang milik Pathmanabhan di Banting.

Bagaimanapun,

seorang lagi perayu, R. Matan, 26, dibebaskan kerana kekurangan bukti.

Pada 23 Mei 2013, Mahkamah Tinggi Shah Alam menjatuhkan hukuman mati ke atas keempat-empat lelaki itu selepas didapati bersalah membunuh kesemua mangsa.

Sosilawati dan tiga rakannya dilaporkan hilang selepas mereka didakwa ke Banting bagi urusan jual beli tanah pada 30 Ogos 2010.

Siasatan kemudian mendapati mereka mungkin dibakar sehingga mati.

## DIHUKUM MATI



PATHMANABHAN



THILAIYALAGAN



KATHAVARAYAN

## DIBEBAHKAN



MATAN



**KAWASAN** ladang di Banting yang menjadi lokasi pembunuhan Sosilawati dan tiga individu lain di Tanjung Sepat, Banting, Selangor pada tahun 2010.



Mahkamah Persekutuan bebaskan seorang tertuduh kerana kekurangan bukti

## 3 pembunuh Sosilawati digantung

Oleh JUNHAIRI ALYASA

**P**UTRAJAYA – Mahkamah Persekutuan di sini semalam memutuskan bekas peguam, N. Pathmanabhan dan dua pekerja ladang kekal menjalani hukuman gantung sampai mati kerana membunuh jutaan kosmetik, Datuk Sosilawati Lawiya dan tiga rakannya di sebuah ladang di Banting, Selangor hampir tujuh tahun lalu.

**Mangsa yang dibunuh kejam**



SOSILAWATI



INILAH lokasi pembunuhan Sosilawati dan tiga rakannya di sebuah ladang di Banting, Selangor.

**Hukuman gantung sampai mati**



PATHMANABHAN



THILAIYALAGAN



KATHAVARAYAN

**Bebas**



MATAN

**INFO** Kronologi Pembunuhan Datuk Sosilawati Lawiya

**30 Ogos 2010** – Sosilawati meninggalkan pejabatnya di Kampung Baru, Kuala Lumpur bersama pemandunya, Kamaruddin Shamsuddin menuju ke Banting untuk urusan perniagaan. Turut bersama jutawan itu ialah peguam, Ahmad Kamil dan pegawai bank CIMB cawangan Kampung Baru, Noorhisham Mohamad

**31 Ogos 2010** – Anak perempuan Sosilawati, Erni Dekritawati Yuliana Buhari membuat laporan polis mengenai kehilangan ibunya

**2 September 2010** – Kereta Perdana V6 milik Noorhisham ditemui di Petaling Jaya, Selangor

**6 September 2010** – Kereta BMW milik Sosilawati ditemui di Pangsapuri Angsana, USJ1 manakala kereta Ahmad Kamil ditemui di kawasan USJ 1, Subang Jaya, Selangor

**9 September 2010** – Polis Bukit Aman melakukan soal siasat terhadap peguam, N. Pathmanabhan

**11 September 2010** – Pathmanabhan dan adiknya berusia 38 tahun ditahan

**12 September 2010** – Polis temui spesimen dipercayai serpihan tulang manusia di Sungai Panchau dekat Ladang Gadong, Banting

oleh Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria sebulat suara menolak rayuan akhir Pathmanabhan, 47; T. Thilaiyalagan, 25, dan R. Kathavarayan, 37, berhubung kes pembunuhan itu.

Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Richard Malanjum dan tiga Hakim Mahkamah Persekutuan iaitu Tan Sri Suriyadi Halim Omar; Tan Sri Azahar Mohamed dan Tan Sri Zaharah Ibrahim turut menganggotai panel hakim itu.

Menurut Arifin, terdapat terlalu banyak bukti yang menunjukkan Sosilawati dan tiga rakannya telah dibunuh oleh ketiga-tiga tertuduh di ladang milik Pathmanabhan pada masa dan tarikh dalam kertas pertuduhan.

"Seperti yang telah dibuktikan sebelum ini, kami bersetuju pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes ini berada di luar keraguan munasabah di Mahkamah Tinggi," katanya ketika membacakan keputusan penghakiman setebal 37 muka surat.

Bagaimanapun, Arifin berkata, tidak terdapat bukti yang mencukupi terhadap Matan untuk mengaitkan lelaki itu dengan pembunuhan itu.

Ketika keputusan itu dibacakan, keempat-empat lelaki yang memakai baju penjara berwarna putih berlangan merah itu tidak menunjukkan sebarang reaksi.

Sementara itu, peguam Amer Hamzah

AHMAD KAMIL



KAMARUDDIN



NOORHISHAM

## Barisan Panel Lima Hakim Mahkamah Persekutuan



TUN ARIFIN ZAKARIA



TAN SRI RICHARD MALANJUM



TAN SRI SURIYADI HALIM OMAR



TAN SRI AZAHAR MOHAMED



TAN SRI ZAHARAH IBRAHIM



KERATAN Kosmo! 13 September 2010.



KERATAN Kosmo! 24 Mei 2013.

Arshad yang mewakili Matan berkata, anak guamnya akan dibebaskan di Penjara Kajang, Selangor.

Mahkamah selesai mendengar penghujahan panjang lebar kedua-dua pihak pembelaan dan pendakwaan yang berlangsung selama enam hari bermula 31 Oktober 2016 dan berakhir pada 8 No-

vember tahun lalu.

Pathmanabhan, Thilaiyalagan dan Kathavarayan merayu terhadap sabitan dan gantung sampai mati kerana membunuh Sosilawati, 47, pegawai bank Noorhisham Mohamad, 38; peguam Ahmad Kamal Abdul Karim, 32, dan pemandu Sosilawati, Kamaruddin Shamsuddin, 44.

Mereka didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 23 Mei 2013 melakukan perbuatan itu di Lot 2001, Jalan Tanjong Layang, Tanjung Sepat di Banting, Selangor antara pukul 8.30 malam dan 9.45 malam, 30 Ogos 2010.

Ketika menjatuhkan hukuman itu, Hakim Akhtar Tahir berkata, penemuan darah dan serpihan tulang manusia di kawasan ladang itu menimbulkan kemungkinan mangsa-mangsa dibakar hingga mati.

Mahkamah Rayuan pula mengekalkan keputusan itu pada 4 Disember 2015.

Sosilawati dan tiga pembantunya dilaporkan hilang selepas mereka dibawa ke Banting bagi urusan jual beli tanah.

Pihak pembelaan terdiri daripada peguam Manjeet Singh Dhillon, Datuk Gurbachan Singh, Amer Hamzah Arshad, Hisyam Teh Poh Teik dan M. Stanislaus.

Pihak pendakwaan pula diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ishak Mohd. Yusof, Idham Abdul Ghani, Saiful Edris Zainuddin, Norinna Bahadun dan Jasme Hameeza Jaafar.

13 Oktober 2010 – Pathmanabhan dan tiga yang lain dituduh di Mahkamah Majistret Telok Datok, Banting atas tuduhan membunuh Sosilawati dan tiga lagi lelaki lain mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan sebelum kes dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Shah Alam, Selangor

21 Februari 2011 – K. Sarawanan, 19, dan U. Suresh, 26, dijatuhi hukuman penjara 20 tahun oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam selepas disabitkan bersalah melupuskan bahan bukti pembunuhan Sosilawati dan tiga individu lain

23 Mei 2013 – Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas Pathmanabhan dan tiga pekerja ladang iaitu T. Thilaiyalagan, R. Matan dan R. Kathavarayan selepas didapati bersalah membunuh Sosilawati, Noorhisham, Ahmad Kamil dan Kamaruddin

4 Disember 2015 – Keempat-empat tertuduh kalah dalam rayuan di Mahkamah Rayuan

16 Mac 2017 – Mahkamah Persekutuan mengekalkan sabitan dan hukuman gantung sampai mati ke atas Pathmanabhan, Thilaiyalagan dan Kathavarayan kerana membunuh Sosilawati manakala Matan dibebaskan kerana kekurangan bukti

Kosmo

17/3/17

M/S 3

# Sosilawati hidup susah sebelum jadi jutawan

**KUALA LUMPUR** – Pengasas produk kecantikan Nouvelles Visage (NV), Allahyarham Datuk Sosilawati Lawiya yang meninggal dunia akibat dibunuh ketika berusia 47 tahun pernah melalui pengalaman hidup yang perit ketika mahu memulakan perniagaannya.

Beliau nekad berhijrah ke ibu negara pada usia 19 tahun dan memulakan pekerjaan sebagai kerani dengan gaji RM400 sebu-

lan sebelum bertemu jodoh pada umur 21 tahun.

Sosilawati memulakan perniagaan dalam bidang kecantikan menggunakan hasil wang simpanannya semasa menjalankan perniagaan restoran bersama bekas suami pertamanya.

Beliau pernah menjaja produk kecantikan dari rumah ke rumah sambil mengendong bayinya 20 tahun lalu semata-mata untuk mendapatkan wang.

Kegigihan anak kelahiran Sri Medan, Batu Pahat, Johor itu dalam membina perniagaan semakin kuat selepas perceraian dengan suaminya itu pada usia awal 30-an.

Kemusnahan rumah tangga pada tahun 1997 telah menjadikan Sosilawati lebih bermotivasi dan berani menghadapi dugaan hidup dalam membesarkan enam anaknya terdiri daripada dua lelaki dan enam perempuan

yang masih kecil ketika itu.

Hasil kegigihannya, beliau mampu memiliki bangunan sendiri dan lebih 300 cawangan NV di seluruh negara serta di beberapa negara seperti Brunei, Singapura dan Thailand.

Sosilawati yang berasal daripada keluarga susah dan merupakan anak ketujuh daripada 12 beradik akhirnya bergelar jutawan seawal usia 40-an.